

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)30**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

30. JPWK adalah sebuah organisasi yang amat baik untuk memastikan aktiviti-aktiviti wanita di seluruh Negeri Pulau Pinang.
- (a) Apakah perancangan yang telah dibuat oleh pihak yang berwajib untuk memastikan setiap perancangan telah dilaksanakan mengikut acuan seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri?
  - (b) Adakah program-program ini dijalankan berterusan atau ianya sekadar bermusim?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di setiap 40 KADUN di Pulau Pinang pada tahun 2019. Objektif penubuhan JPWK adalah untuk merancang dan melaksanakan program berteraskan pembangunan wanita dan keluarga serta menyediakan platform kepada golongan wanita untuk tampil ke hadapan bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan.

Kerajaan Negeri sentiasa memantau pelaksanaan JPWK di setiap KADUN berpandukan tiga (3) mekanisme seperti berikut:

- (a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) selaku penyelaras memantau pelaksanaan program yang dijalankan oleh JPWK agar memenuhi objektif penubuhannya;
- (b) Pemantauan secara suku tahun diadakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga bagi menilai pelaksanaan program serta memastikan perbelanjaan yang optimum; dan
- (c) Keberkesanan pelaksanaan JPWK di setiap KADUN dikaji setiap tahun agar memenuhi objektif penubuhan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Pada penghujung tahun 2019, Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan JPWK di setiap 40 KADUN bagi tempoh dua (2) tahun sehingga tahun 2021. Program-program yang dirancang oleh JPWK akan berterusan bagi memastikan lebih ramai golongan wanita mendapat manfaat daripada jawatankuasa ini.